

RANCANGAN PERNIAGAAN ETR 300

AUTO-SOUND MUSIC HOUSE

**DISEDIAKAN UNTUK
ENCIK KHAIRUL ANWAR B. SUBARI
PENSYARAH ASAS KEUSAHAWANAN
(ETR 300)
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERLIS**

**DISEDIAKAN OLEH
BARBARA BAKANJIM
AZA PERTIWI BTE. HUSSAIN
NOR FAZLINA BTE. MOHD. RODZI
HATIJAH BTE. KASAN
HAIREN MASWATI BTE. HASHIM**

**DIPLOMA IN SCIENCE
PART 5
MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY**

KANDUNGAN

<u>TAJUK</u>	<u>MUKASURAT</u>
1. MUQADDIMAH	i
2. SURAT PENYERAHAN	ii
3. SURAT PENGHARGAAN	iv
4. ISI KANDUNGAN	vi
5. PENGENALAN/SINOPSIS PERNIAGAAN	1
6. LOGO PERNIAGAAN	2
7. TUJUAN PERNIAGAAN	5
8. LATARBELAKANG PERKONGSIAN	4
9. LATARBELAKANG RAKAN KONGSI	6
10. LATARBELAKANG PROJEK	16
11. SURAT PERJANJIAN	19
12. RANCANGAN PEMASARAN	22
13. RANCANGAN OPERASI	43
14. RANCANGAN ORGANISASI	66
15. RANCANGAN KEWANGAN	83
16. RUMUSAN	104
17. APPENDIKS/LAMPIRAN	106

SINOPSIS

Auto-Sound Music House ialah sebuah perniagaan perkongsian yang menawarkan perkhidmatan pendidikan muzik secara profesional dan amatur serta perkhidmatan-perkhidmatan lain yang bersangkutan-paut dengan seni muzik. Kami berlima yang terdiri daripada Barbara Bakanjim, Aza pertiwi Hussain, Norfazlina Mohd. Rodzi, Hairen Maswati Hashim dan Hatijah Kasan telah bersepakat untuk menubuhkan perniagaan ini di Kangar Perlis yang beralamat, Lot 26, Jalan Raja Syed Alwi, 01000 Kangar, Perlis. Kami bercadang untuk memulakan operasi perniagaan ini pada bulan Januari 2000. Ini adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan tenaga pengajar profesional dalam bidang muzik yang masih kurang lebih-lebih lagi di kalangan bumiputra.

LATAR BELAKANG PERKONGSIAN

Nama Perniagaan : **AUTO-SOUND MUSIC HOUSE**

Alamat perniagaan : Lot 26, Jalan Raja Syed Alwi, 01000,
Kangar Perlis.

No. Telefon : 04- 9382367

Bentuk Perniagaan : Perkongsian

Kegiatan Utama : Menawarkan program pendidikan
muzik secara profesional dan amatur.

Tarikh Mula Perniagaan : 01 Januari 2000

Modal Permulaan : RM 130,000

TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Rancangan Perniagaan ini di sediakan khas untuk melengkapkan mata pelajaran ETR 300 yang di tugaskan kepada semua pelajar-pelajar Institut Teknologi MARA semester lima (bahagian 05). Selain daripada itu ia juga di sediakan untuk ;

i) kegunaan kami bagi merancang, menyusun dengan teratur serta lengkap akan segala kegiatan dan keperluan yang dikehendaki sebelum memulakan perniagaan kami. Dengan adanya Rancangan Perniagaan ini, kami dapat melaksanakan dan memastikan operasi serta kegiatan kami berjalan lancar.

ii) digunakan sebagai garis panduan dalam menguruskan perniagaan agar perniagaan lebih terancang dan bersistematik.

iii) memudahkan pihak kami untuk membuat pinjaman daripada mana-mana institusi-institusi kewangan dimana mereka boleh mengetahui sejauh mana potensi perniagaan ini boleh berkembang dengan merujuk kepada Rancangan Perniagaan kami.

iv) memudahkan kami untuk mengesan akan kelemahan dan kesilapan kami sendiri dengan mengkaji Rancangan Perniagaan ini agar langkah-langkah awal dapat di ambil untuk mengatasi masalah yang kemungkinan akan berlaku.